



Rujukan Kami : PMS/UP/656-3 Jld. 4( 30 )  
Tarikh : 1 Disember 2016 / 1 Rabiulawal 1438H

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah  
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah  
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT EDARAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH  
BIL. 3/2016**

**PENYERAHAN SALINAN SURAT SETUJU TERIMA BAGI PEROLEHAN YANG  
DIPUTUSKAN OLEH LEMBAGA PEROLEHAN PERSEKUTUAN SABAH**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Pejabat ini menarik perhatian mengenai arahan kepada Jabatan/Agensi untuk menyediakan Surat Setuju Terima (SST) kepada kontraktor yang berjaya secepat mungkin sebaik sahaja keputusan Lembaga Perolehan diperolehi dan dalam tempoh sah laku tender berdasarkan 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PK 4, Perenggan 1 (i)(b)(2).

3. Dalam memastikan pengurusan perolehan Kerajaan dapat dilaksanakan lebih teratur, Jabatan/Agensi hendaklah mengeluarkan SST kepada kontraktor yang berjaya dalam tempoh **satu (1) bulan dari tarikh surat keputusan** bagi tender yang diputuskan oleh Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah (LPPS). Selain itu, Jabatan/Agensi adalah **diwajibkan untuk mengemukakan salinan SST/surat-surat berkenaan/status terkini tender dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh SST dikeluarkan** untuk simpanan dan rekod pejabat ini.

Surat Edaran Perbendaharaan Malaysia Sabah Bil. 3 Tahun 2016 - SST

**"MENJANA KEMAKMURAN NEGARA"**  
CEPAT, TEPAT, MESRA, AMANAH



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT NO: AR 3495

4. Kerjasama dan perhatian daripada YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Mohd. Yunus Bin Charlie Charington', written over a horizontal line.

**( MOHD. YUNUS BIN CHARLIE CHARINGTON )**  
Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah